

Faedah Penjagaan Anak dan Rebat Cukai Penjagaan Anak



Child Care Benefit and the Child Care Tax Rebate—Malay

Faedah Penjagaan Anak membantu dengan biaya penjagaan anak untuk keluarga yang menggunakan penjagaan yang diluluskan dan/atau berdaftar. Rebat Cukai Penjagaan Anak merupakan bantuan tambahan bagi biaya penjagaan anak untuk keluarga bekerja.

Siapa yang boleh menerima Faedah Penjagaan Anak?

Anda dapat menerima Child Care Benefit (Bayaran Penjagaan Anak) jika anda memenuhi semua syarat berikut:

- Anda mempunyai seorang anak dalam penjagaan anda
- Anak anda menghadiri penjagaan yang diluluskan atau berdaftar dan anda bertanggungjawab membayar yuran penjagaan anak
- Anak anda memenuhi syarat-syarat pelalian (atau mempunyai pengecualian)
- Anda atau pasangan anda memenuhi syarat-syarat mastautin (atau mempunyai pengecualian)

Penjagaan Anak yang Diluluskan disediakan oleh perkhidmatan penjagaan anak yang diluluskan oleh Jabatan Pendidikan, Pekerjaan dan Hubungan Tempat Kerja. Kebanyakan penjagaan siang hari panjang, penjagaan siang hari keluarga, penjagaan sebelum dan setelah waktu sekolah, penjagaan masa cuti, penjagaan di rumah dan perkhidmatan penjagaan terkadang merupakan penjagaan anak yang diluluskan.

Penjagaan Anak Berdaftar merupakan penjagaan yang disediakan oleh datuk nenek, saudara, teman atau pengasuh untuk penjagaan yang berkenaan dengan pekerjaan, dan berdaftar dengan Pejabat Bantuan Keluarga. Penjagaan ini juga boleh termasuk penjagaan yang disediakan oleh individu di prasekolah dan tadika swasta serta sesetengah perkhidmatan penjagaan luar waktu sekolah dan perkhidmatan penjagaan terkadang. Untuk menerima Faedah Penjagaan Anak untuk penjagaan berdaftar, anda dan pasangan anda mesti lulus ujian pekerjaan, latihan dan pelajaran.

Jam Kelayakan

Semua keluarga layak yang menggunakan penjagaan yang diluluskan dapat menerima sampai 24 jam Child Care Benefit seminggu per anak. Anda dapat:

- Menerima hingga 50 jam Child Care Benefit untuk setiap anak dalam penjagaan yang diluluskan jika anda dan pasangan anda sedang bekerja atau mencari pekerjaan, sedang mengikuti latihan atau sedang belajar selama 15 jam minimum seminggu, atau 30 jam setiap dua minggu atau terkecuali daripada syarat ini,
- Menerima hingga 50 jam Child Care Benefit untuk setiap anak dalam penjagaan berdaftar jika anda dan pasangan anda sedang bekerja atau mencari pekerjaan, mengikuti latihan, belajar pada masa tertentu setiap minggu atau terkecuali daripada syarat ini,
- Menerima lebih daripada 50 jam of Child Care Benefit untuk setiap anak dalam penjagaan yang diluluskan jika anda atau pasangan anda tidak dapat menjaga anak anda selama lebih daripada 50 jam seminggu kerana komitmen pekerjaan, pendidikan atau latihan (termasuk perjalanan pergi balik dari tempat kerja).

Berapa banyak Faedah Penjagaan Anak yang boleh saya terima?

Semua kadar adalah betul bermula 7 Julai 2008.

Keluarga yang sedang menggunakan penjagaan yang diluluskan dengan pendapatan tahunan sebanyak \$36,573 ke bawah boleh menerima kadar maksimum Faedah Penjagaan Anak. Kadar maksimum Faedah Penjagaan Anak untuk anak yang belum mencapai umur sekolah ialah \$3.47 per jam atau \$173.50 untuk 50 jam seminggu. Kadar maksimum Faedah Penjagaan Anak untuk anak yang bersekolah ialah 85 peratus daripada kadar maksimum anak yang belum mencapai umur sekolah. Kadar-kadar ini bertambah untuk anak tambahan dalam penjagaan anak.

We speak your language ☎ 13 1202

www.familyassist.gov.au



Australian Government
Family Assistance Office

Child Care Benefit and the Child Care Tax Rebate—Malay

Faedah Penjagaan Anak berkurang setelah pendapatan keluarga anda mencapai \$36,573. Keluarga yang berpendapatan di atas had pendapatan tidak akan menerima kadar minimum Faedah Penjagaan Anak lagi. Had pendapatan di atas mana Faedah Penjagaan Anak tidak boleh bayar ialah \$126,793 untuk seorang anak, \$131,457 untuk dua orang anak, \$148,452 untuk tiga orang anak serta \$28,020 untuk setiap anak dalam penjagaan setelah anak ketiga. Keluarga-keluarga ini akan dinilai sebagai Faedah Penjagaan Anak kadar sifar. Ini akan membolehkan keluarga-keluarga ini tetap menerima Rebat Cukai Penjagaan Anak.

Keluarga yang sedang menggunakan penjagaan berdaftar layak menerima kadar \$0.581 per jam sampai \$29.05 per minggu untuk 50 jam bagi seorang anak yang belum bersekolah. Kadar untuk anak bersekolah ialah 85 peratus daripada kadar untuk anak yang belum bersekolah. Adalah penting untuk memperhatikan bahawa anda tidak boleh menerima Rebat Penjagaan Anak untuk penjagaan berdaftar.

Siapa yang boleh menerima Rebat Cukai Penjagaan Anak

Anda juga boleh menerima Rebat Cukai Penjagaan Anak jika anda memenuhi semua syarat berikut:

- Anda telah menggunakan penjagaan anak yang diluluskan
- Anda telah dinilai sebagai layak menerima Faedah Penjagaan Anak
- Anda dan pasangan anda lulus ujian pekerjaan, latihan dan pelajaran (bagi tujuan rebat)

Berapa besar Rebat Cukai Penjagaan Anak yang dapat saya terima?
Bermula bulan Julai 2008, keluarga yang layak dapat menerima 50 peratus daripada biaya yang ditanggung untuk penjagaan yang diluluskan sampai maksimum \$7,500 (diindeks) untuk setiap anak setiap tahun.

Untuk maklumat lanjut:

- Hubungilah Family Assistance Office (Pejabat Bantuan Keluarga) pada nombor **13 1202** antara pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Waktu Standard Timur) Isnin hingga Jumaat untuk maklumat dalam bahasa Melayu.
- Kunjungilah tapak web di www.familyassist.gov.au
- Sila kunjungi Pejabat Bantuan Keluarga terdekat di pejabat Medicare Australia, Pusat Perkhidmatan Pelanggan Centrelink dan Pejabat Cukai Australia.